

DIALOG TAHUNAN SSM 2021

| ISU | Soalan/Pandangan Peserta | Maklumbalas SSM |
|--------------------------------|--|--|
| Isu Pengurangan Kompaun | <p>Kompaun yang dikenakan ke atas syarikat dormant dan kecil adalah terlalu tinggi</p> <p>Amaun Kompaun yang diterima oleh pengarah sangat tinggi, SSM tidak memandangkan ekonomi tidak stabil dan ketidakmampuan pengarah membayar kompaun yang tinggi. Contoh: Beribu-ribu kompaun dikenakan oleh pengarah jika tidak menyerahsimpan penyata tahunan dan penyata kewangan.</p> <p>SSM perlu mempertimbangkan kadar dan amaun kampaun yang tidak akan membebankan pengarah syarikat.</p> <p>Pengurangan Kompaun yang dikenakan pada mula-mulanya (initial compound) dikurangkan</p> <p>Setakat ini SSM hanya menawarkan pengurangan 90% bagi kes berkaitan permohonan "striking-off" di bawah Seksyen 549/550 Akta Syarikat 2016.</p> <p>Sila berikan pengurangan kompaun bagi kes-kes lain yang tidak berkaitan dengan "striking-off application".</p> <p>SSM could kindly consider 90% discount campaign for directors/companies</p> <p>Pengarah syarikat tidak dapat menanggung beban pembayaran kompaun. Mempertimbangkan pengurangan kompaun.</p> <p>Meminta agar pengurangan kompaun sebanyak 90% turut diberikan bagi syarikat yang masih ingin meneruskan aktiviti syarikat memandangkan banyak aktiviti perniagaan bergerak dengan perlahan kini</p> | <p>Kadar kompaun yang ditetapkan adalah untuk mendidik dan mendorong komuniti korporat mematuhi peruntukan Akta Syarikat 2016.</p> <p>Walaubagaimanapun SSM turut memperkenalkan diskaun/pengurangan kompaun secara automatik dengan kadar setinggi 85% sekiranya dijelaskan dalam tempoh 40 hari dari tarikh kompaun dikeluarkan.</p> <p>SSM telah memperkenalkan pelbagai jenis pengurangan kompaun antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurangan 90% terhadap komuniti korporat yang mematuhi kriteria ditetapkan di bawah pelaksanaan 'KEMPEN PEMATUHAN TAHUN 2020 AKTA SYARIKAT 2016' (insentif tahun 2020); • Pelaksanaan pengurangan kompaun secara automatik dengan kadar setinggi 85% sekiranya dijelaskan dalam tempoh 40 hari dari tarikh kompaun dikeluarkan; • Pengurangan 90% bagi pembatalan syarikat di bawah S.550 AS2016 dilaksanakan bermula dari 17/8/2020 hingga 30/6/2021. <p>Tempoh insentif pengurangan kompaun adalah tertakluk kepada kelulusan pihak pengurusan.</p> |

DIALOG TAHUNAN SSM 2021

| ISU | Soalan/Pandangan Peserta | Maklumbalas SSM |
|---------------------------------|--|---|
| | <p>Kaedah penyelesaian kompaun yang lebih munasabah terutamanya bagi syarikat-syarikat yang telah ditutup/dibubarkan oleh SSM. Kenaan denda ke atas syarikat dan pengarah yang lebih rendah bagi syarikat yang ditutup atau dibatalkan pendaftaran di bawah s550 dan notis kompaun mestilah dipastikan diterima oleh pengarah dan syarikat sebelum pengarah disenaraihitamkan.</p> <p>Kompaun yang dikenakan kepada syarikat/pengurus syarikat sangat tinggi. Diharap kompaun dapat dikurangkan dengan harga yang berpatutan.</p> <p>Moratorium berterusan bagi kompaun di cadang diteruskan. Penguatkuasaan dari SSM telah berjaya memberi tekanan kepada pengarah untuk mengikut perundungan. Namun bagi kes-kes yang masih ada, pengarah menghadapi kesukaran terutamanya bagi penyata kewangan. Disaran morotorium diteruskan, bagi kebaikan kos pentadbiran bagi semua pihak.</p> <p>90% reduction rate extend till December 2021</p> | |
| Lain-lain isu berkaitan kompaun | Compound for not operation company for more than 7 years, can be automatic dissolved by SSM. Can give the right for company secretary to resign the company for tender the resignation letter to SSM upon effected, if the company ignore to pay the secretary services fees. | Tatacara perletakan jawatan Setiausaha Syarikat perlu mematuhi S.237 AS 2016. |

DIALOG TAHUNAN SSM 2021

| ISU | Soalan/Pandangan Peserta | Maklumbalas SSM |
|-----|--|--|
| | <p>Berharap SSM sedia memberi lebih kelonggaran dengan tidak mengemukakan kompaun yang sukar ditanggung oleh syarikat-syarikat yang ingin mematuhi peraturan Akta Syarikat 2016 untuk mengemukakan akaun-akaun tertungggak semasa MCO.</p> <p>Membenarkan syarikat-syarikat yang mengemukakan akaun-akaun lewat dengan bayaran seperti "late lodgement fee" dari tarikh akaun-akaun tersebut perlu dikemukakan tanpa sebarang kompaun.</p> | Bayaran 'late lodgement fee' dan 'kompaun' adalah dua (2) perkara yang berbeza. |
| | <p>Membenarkan pihak <i>secretary</i> mencetak surat kompaun di SSM portal</p> | SSM akan mempertimbangkan cadangan ini. |
| | <p>Sila emel kompaun kepada director dan juga setiausaha.</p> | Buat masa ini tiada alamat emel pengarah syarikat dalam pengkalan data SSM. Cadangan ini akan dapat dilaksanakan setelah sistem baru SSM dibangunkan di mana emel para pengarah perlu dimaklumkan ke SSM secara 'mandatory'. |
| | <p>Kaedah pembayaran terkini adalah menggunakan cek dan melalui kaunter sahaja. Dicadangkan Dimasukkan ke dalam aplikasi MBRS untuk pembayaran kompoun <i>annual return</i> dan <i>audit report</i></p> | Saluran pembayaran kompaun secara online boleh dilaksanakan melalui EZBIZ Online sahaja buat masa ini. |